

Adib: Perpaduan nadi kemajuan dan kemakmuran

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

MELAKA, ISNIN

KETUA Menteri, Encik Mohd. Adib Haji Mohd. Adam mengingatkan rakyat, segala yang dicapai selama ini tidak bermakna sekiranya rakyat tidak bersatu padu dan saling curiga-mencurigai antara satu sama lain.

Beliau berkata, rakyat perlu menyedari hakikat, nadi kemajuan dan kemakmuran negara ini ialah perpaduan di kalangan rakyat berbilang kaum.

"Asas perpaduan yang dibina hendaklah sentiasa diperkukuhkan dan dipelihara oleh semua kaum kerana perpaduan dan semangat muhibah mesti wujud di kalangan rakyat negara ini," tegasnya.

Ketua Menteri memberitahu demikian di Majlis Perjumpaan Hari Raya yang turut dihadiri oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dan isterinya, Datin Seri Dr.

Siti Hasmah di kediamannya di Seri Peringgit di sini.

Beliau berkata, kesejahteraan dan kemakmuran yang terdapat di negara ini untuk semua kaum.

"Asas perpaduan yang menjamin kesejahteraan dan kemakmuran ini hendaklah terus dipelihara supaya matlamat perpaduan nasional yang dicita-citakan itu akan tercapai," jelasnya.

Ketua Menteri menggesa orang-orang Melayu yang berniaga mencontohi sikap Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad yang menceburkan diri dalam dunia perniagaan sejak di bangku sekolah lagi secara kecil-kecilan di pasar Pekan Rabu, Alor Setar.

Berucap di majlis ja-

muan makan malam yang dihadiri oleh Datuk Seri Dr. Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah anjuran Dewan Perniagaan Melayu Melaka di Dewan Hang Tuah di sini kelmarin, Encik Mohd. Adib berkata:

"Kita terpaksa mengakui, ada Bumiputera yang segan memulakan perniagaan secara kecil-kecilan terlebih dahulu walaupun mereka tidak berpengalaman dan tidak berkeupayaan berniaga secara besar-besaran.

Misalnya, kata beliau, kerajaan ada mengeluarkan 46 buah kereta sorong kepada peniaga-peniaga kecil di negeri ini dalam tahun 1979.

"Dari jumlah itu seorang dari pemohon memulangkannya dengan alasan beliau segan untuk berniaga.